



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.22 / 2019

SPR AKUR KEPUTUSAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN BERKENAAN DUN N.27 RANTAU, NEGERI SEMBILAN

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum dan akur dengan keputusan Mahkamah Persekutuan hari ini yang mengekalkan keputusan Mahkamah Pilihan Raya di Seremban pada 16 November 2018 yang telah mengisytiharkan bahawa kemenangan Datuk Seri Mohamad Hasan di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N.27 Rantau, Negeri Sembilan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu sebagai terbatal dan tidak sah.

Sehubungan dengan itu, SPR perlu menunggu Perakuan Keputusan daripada Pendaftar Mahkamah Persekutuan bagi mengambil tindakan selanjutnya untuk mengadakan Pilihan Raya Kecil (PRK) untuk mengisi kekosongan kerusi tersebut.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 18 Februari 2019 / 13 Jamadil Akhir 1440H